Nama:

Tarikh:

BAHASA MELAYU TAHUN 5

TEMA 5: JATI DIRI, PATRIOTISME DAN KEWARGANEGARAAN

UNIT 13: Sikap Bertanggungjawab

Tajuk: Pengorbanaku demi Tugas

Arahan: Baca teks di bawah, kemudian, tulis jawapan yang betul.

Biografi

Pengorbananku demi Tugas

Pekerjaan sebagai malim gunung memang mencabar. Malim gunung ialah jurupandu kepada pendaki gunung. Demi tugas dan jati diri yang tinggi, Mohd Ridzuan Kauhinin, malim gunung di Gunung Kinabalu nekad menyelamatkan nyawa seorang kanak-kanak yang terkandas semasa kejadian gempa bumi di Sabah.

"Saya gementar apabila dianggap sebagai wira, padahal saya hanyalah insan biasa. Sumbangan saya itu kecil berbanding dengan pengorbanan anggota keselamatan yang menjaga kedaulatan negara," kata Mohd Ridzuan kepada pemberita.

Mohd Ridzuan hanya merendah diri dan menyifatkan dirinya masih seperti malim gunung lain yang mencari rezeki dengan membawa pendaki ke puncak Gunung Kinabalu. "Saya berkorban dengan ikhlasnya tanpa mengharapkan sebarang balasan dan, bagi saya, semua malim gunung ialah wira," jelas beliau.

Berkat kerjasama semua, malim gunung dapat menyelamatkan pendaki yang terkandas. Malim gunung membuktikan bahawa mereka juga boleh berbakti untuk tanah air. Tugas murni mereka dapat meningkatkan keyakinan pendaki untuk terus meneroka keindahan puncak Gunung Kinabalu.

Mohd Ridzuan dianggap wira oleh pemimpin negara. Atas dedikasi itu, beliau dinobatkan sebagai ikon kebanggaan negara ketika sambutan Hari Kebangsaan pada 31 Ogos 2015. Beliau juga dianugerahi Darjah Kebesaran Bintang Setia Kinabalu.

Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada Berita Harian, *Saya Bukan Wira tetapi Malim Gunung*, 10 Disember 2015)

1. Malim gunung, Mohd Ridzuan, tidak mahu dianggap sebagai wira. Mengapa?

Malim gunung, Mohd Ridzuan tiak mahu dianggap sebagai wira kerana.....

2. Bagaimanakah negara mengiktiraf jasa dan bakti beliau?

Negara mengiktiraf jasa dan bakti beliau dengan .....

3. Pada pendapat kamu, apakah kesan kepada imej Malaysia di mata dunia dengan sikap sanggup berkorban beliau itu?

Pada pendapat saya, imej Malaysia di mata dunia dengan sikap sanggup berkorban beliau itu akan

4. Apakah sumbangan malim gunung terhadap pembangunan negara?

Sumbangan Malim gunung terhadap pembangunan negara ialah .....

5. Nyatakan pengajaran yang boleh diambil daripada kisah di atas.

Pengajaran daripada kisah di atas ialah ....

- ❑ dipandang tinggi
- ❑ menganggap sumbangannya itu terlalu kecil jika dibandingkan dengan pengorbanan anggota keselamatan yang menjaga kedaulatan negara.
- ❑ membantu industri pelancongan negara.
- ❑ kita mestilah sanggup berkorban nyawa demi negara tanpa mengharapkan sebarang balasan.
- ❑ menobatkannya sebagai ikon kebanggaan negara.

LIVEWORKSHEETS